



4 Julai 2013
4 July 2013
P.U. (A) 218

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS PENGAMBILAN SYARIKAT MILIK ASING) 2013

INCOME TAX (DEDUCTION FOR COST OF ACQUISITION OF FOREIGN OWNED COMPANY) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI KOS PENGAMBILAN
SYARIKAT MILIK ASING) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Kos Pengambilan Syarikat Milik Asing) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 3 Julai 2012.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“pengilangan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam perenggan 9 Jadual 7A Akta dibaca bersama Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penetapan Aktiviti yang Dikecualikan daripada Takrif “Pengilangan”) 2012 [*P.U. (A) 23/2012*];

“perniagaan” ertinya perniagaan pengilangan atau penyediaan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan kemudahan) yang disebut dalam perenggan 3(b);

“syarikat milik asing” ertinya suatu syarikat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kaedah 4;

“syarikat milik tempatan” ertinya suatu syarikat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kaedah 3;

“teknologi tinggi” ertinya teknologi baru dan membangun.

Syarikat milik tempatan

3. Tertakluk kepada kaedah 5, syarikat milik tempatan yang layak mendapat potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini ialah suatu syarikat yang—

(a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan bermastautin di Malaysia; dan

(b) menjalankan perniagaan pengilangan keluaran atau penyediaan perkhidmatan terpilih dalam Malaysia yang diluluskan oleh Menteri—

(i) bagi syarikat yang tidak disenaraikan di bursa saham yang ditubuhkan di bawah subseksyen 15(2) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], yang sekurang-kurangnya enam puluh peratus modal berbayarnya berkenaan dengan saham biasa adalah dimiliki secara langsung oleh warganegara Malaysia; atau

(ii) bagi syarikat yang disenaraikan di bursa saham yang ditubuhkan di bawah subseksyen 15(2) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007—

(A) yang sekurang-kurangnya enam puluh peratus modal berbayar berkenaan dengan saham biasa adalah dimiliki secara langsung oleh warganegara Malaysia pada hari pertama penyenaraian di bursa saham; dan

(B) yang sekurang-kurangnya lima puluh peratus saham biasanya adalah dimiliki secara langsung oleh warganegara Malaysia.

Syarikat milik asing

4. Syarikat milik asing yang dimaksudkan bagi maksud mendapat potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini ialah suatu syarikat yang terletak di luar Malaysia—

- (a) yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan penubuhan suatu syarikat di luar Malaysia;
- (b) yang dimiliki keseluruhannya, secara langsung atau tidak langsung, oleh bukan warganegara Malaysia; dan
- (c) yang memiliki dan menggunakan teknologi tinggi dalam aktiviti pengilangan atau penyediaan perkhidmatan terpilih di luar Malaysia.

Pemakaian

5. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat milik tempatan yang—

- (a) mengemukakan suatu permohonan untuk potongan bagi kos pengambilan syarikat milik asing pada atau selepas 3 Julai 2012 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2016 kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, dan permohonan tersebut telah diluluskan oleh Menteri;
- (b) memperoleh sekurang-kurangnya lima puluh satu peratus modal berbayar berkenaan dengan saham biasa syarikat milik asing dalam bentuk transaksi tunai;
- (c) menggunakan teknologi tinggi yang diperoleh daripada syarikat asing tersebut dalam perniagaannya bagi maksud mewujudkan atau meningkatkan suatu permintaan terhadap pengeluaran produk dalam Malaysia atau perkhidmatan yang disediakan dalam Malaysia, sebagaimana yang berkenaan dan dengan tujuan menggunakan teknologi tersebut bagi—

- (i) pengeluaran atau pembaikan bahan, peralatan, produk, keluaran atau proses; atau
 - (ii) pembaikan proses atau mutu perkhidmatan terpilih; dan
- (d) tidak mendapat apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*] kecuali taraf perintis atau elaun cukai pelaburan sebagai suatu syarikat berteknologi tinggi.

Potongan

6. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan daripada perniagaan suatu syarikat milik tempatan yang telah membayar kos bagi pengambilan suatu syarikat milik asing dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi suatu amaun yang bersamaan dengan satu per lima daripada kos itu bagi tahun taksiran itu dan bagi setiap empat tahun taksiran berikutnya.

(2) Kos pengambilan syarikat milik asing yang diluluskan oleh Menteri hendaklah disifatkan telah dibuat dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang terdapat tarikh penyelesaian penuh bagi pengambilan itu sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

(3) Pengambilan itu mestilah selesai dalam tempoh tiga tahun dari tarikh permohonan kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

(4) Tertakluk kepada subkaedah (5), jika kos pengambilan syarikat milik asing dibayar oleh suatu syarikat perintis, syarikat perintis itu boleh membuat pilihan untuk potongan yang disebut dalam subkaedah (1) dibenarkan bermula dari tahun taksiran dalam tempoh asas pertama berkenaan dengan perniagaan selepas perintis dan empat tahun taksiran yang berikutnya.